

**SULIT** ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

---



Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

**JTW113/JTW114 – Prinsip Perakaunan Kewangan**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN BELAS (18)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan **Bahagian A** di atas borang OMR. **Bahagian B** jawab di atas buku jawapan yang disediakan.

Pastikan borang OMR diisi dengan lengkap [nombor angka giliran, kursus, jawapan dll]. Gunakan hanya pensel 2B bagi borang OMR anda.

Anda tidak dibenarkan membawa keluar kertas soalan peperiksaan dari dewan peperiksaan.

Alat pengiraan elektronik tak berprogram boleh digunakan untuk tujuan pengiraan.

Pastikan anda menulis angka giliran anda di setiap kertas jawapan anda.

Markah bagi setiap bahagian adalah seperti yang tercatat.

...2/-

**SULIT**

**BAHAGIAN A [60 markah]**

1. Manakah **BUKAN** tujuan perakaunan?
  - A. Menyediakan maklumat kedudukan kewangan untuk membantu pengurus merancang strategi perniagaan yang sesuai.
  - B. Menilai prestasi perniagaan untuk sesuatu tempoh perakaunan dengan membuat analisis perbandingan antara syarikat atau tahun kewangan yang berlainan.
  - C. Merekod kedudukan aset dan liabiliti syarikat dari semasa ke semasa.
  - D. Menjadi dokumen sokongan wajib kepada perniagaan yang ingin memasuki pasaran antarabangsa.
  - E. Menyediakan maklumat kepada bakal pelabur yang ingin membuat keputusan untuk memiliki saham syarikat.
  
2. Sesuatu hasil dan belanja dalam tempoh perakaunan sebelum dan selepas tidak boleh diambil kira dalam menghitung untung bersih untuk tempoh perakaunan semasa. Penyataan ini merujuk kepada konsep \_\_\_\_\_.
  - A. Perbelanjaan modal dan hasil
  - B. Pepadanan hasil dan belanja
  - C. Tempoh perakaunan semasa
  - D. Usaha perniagaan berterusan
  - E. Ketekalan
  
3. Kitaran perakaunan merupakan satu proses turutan tatacara perakaunan yang bermula daripada \_\_\_\_\_ dan berakhir dengan \_\_\_\_\_.
  - A. Dokumen Sumber; Catatan Penutup
  - B. Jurnal; Imbangan Duga
  - C. Lejar; Penyata Kewangan
  - D. Buku Catatan Pertama; Catatan Penutup
  - E. Dokumen Sumber; Penyata Kewangan

4. Pilih padanan yang **TEPAT** tentang peranan setiap badan berikut:

Peranan	Menetapkan piawaian perakaunan di Malaysia	Mengadakan peperiksaan awam
A.	MASB	MIA
B.	MIA	MICPA
C.	MICPA	MASB
D.	IASC	MASB
E.	MIA	IASC

5. Anda ditugaskan untuk membuat analisis prestasi margin keuntungan kasar untuk sebuah perniagaan. Dokumen yang anda perlukan untuk membuat analisis berkenaan ialah \_\_\_\_\_.

- A. Akaun Perdagangan
- B. Penyata Untung Rugi
- C. Penyata Kedudukan Kewangan
- D. Penyata Alir Tunai
- E. Penyata Perubahan Ekuiti

6. Sesuatu harta yang boleh digunakan oleh perniagaan untuk memberikan manfaat masa depan kepada perniagaan adalah semua berikut **KECUALI** \_\_\_\_\_.

- A. kenderaan, bangunan, stok dan akaun belum terima
- B. perabot, kenderaan, tunai dan pinjaman
- C. akaun bank, hasil belum terima, kenderaan, tunai
- D. kenderaan, tanah, bangunan, perabot
- E. akaun belum terima, tunai, akaun bank, tanah

7. Untuk mengira untung bersih bagi tahun berakhir untuk sesebuah perniagaan, item-item berikut diambil kira iaitu \_\_\_\_\_.

- A. jualan, belian, stok akhir, belanja gaji, modal awal
- B. modal awal, ambilan, akaun belum terima, akaun belum bayar, akaun tunai
- C. gaji, sewa, utiliti, jualan, belian
- D. sewa, tunai, gaji, jualan, belian
- E. akaun belum bayar, gaji, utiliti, peruntukan susut nilai, ambilan

...4/-

8. Penyata Kedudukan Kewangan pada akhir tempoh perakaunan menunjukkan maklumat \_\_\_\_\_.
- A. perubahan baki aset, liabiliti dan ekuiti pada sepanjang tempoh perakaunan
  - B. hasil keuntungan kasar yang diperolehi untuk satu tempoh perakaunan
  - C. jumlah perbelanjaan yang telah dibuat oleh perniagaan untuk satu tempoh perakaunan
  - D. jumlah hasil jualan yang dapat dikutip pada sepanjang tempoh perakaunan
  - E. jumlah aset yang diperolehi dan dijual dalam satu tempoh perakaunan

9. Berdasarkan maklumat berikut, hitung nilai aset:

Butir	RM
Liabiliti	20,000
Ekuiti Pemilik	30,000
Hasil	70,000
Belanja	45,000

- A. RM 75,000
  - B. RM 50,000
  - C. RM 25,000
  - D. RM 10,000
  - E. RM 165,000
10. Akaun ini akan dikreditkan untuk memberi kesan pertambahan kepada baki akaun. Akaun yang dimaksudkan ialah \_\_\_\_\_.
- A. Akaun Belum Bayar
  - B. Akaun Tunai
  - C. Akaun Belanja Gaji
  - D. Akaun Belian
  - E. Akaun Belanja Susut nilai

11. Perniagaan Amin telah mengeluarkan invois kepada Perniagaan Segar. Walau bagaimanapun, Perniagaan Amin mendapati invois yang dikeluarkan mencatatkan nilai urus niaga yang lebih kecil berbanding nilai urus niaga sebenar. Apakah dokumen yang perlu disediakan oleh Perniagaan Amin untuk menyelaraskan nilai urus niaga yang dicatatkan dalam invois dengan nilai urus niaga sebenar?
- A. Invois Salinan
  - B. Nota Debit
  - C. Nota Kredit
  - D. Resit baharu
  - E. Bil gantian
12. Anda sedang mereka bentuk resit perniagaan anda yang baharu untuk diberikan kepada syarikat percetakan sebelum cetakan dibuat. Manakah maklumat wajib yang perlu ada pada cetakan resit untuk menjadikannya satu dokumen sumber yang lengkap bagi digunakan dalam merekod urus niaga.
- A. Nombor resit, Nama pembayar, Jumlah bayaran, Tujuan bayaran, Nama penerima, Tarikh bayaran.
  - B. Nombor resit, Nama pembayar, Jumlah bayaran, Alamat perniagaan, Logo Perniagaan.
  - C. Nombor resit, Nama perniagaan, Jumlah bayaran, Nama pembayar, Nama penerima, Nombor telefon perniagaan.
  - D. Nombor resit, Tarikh urus niaga, Jumlah bayaran, Nama pembayar, Tujuan bayaran, Alamat perniagaan.
  - E. Nombor resit, Tarikh urus niaga, Jumlah urus niaga, Tujuan bayaran, nama pembayar, tandatangan penerima.
13. Perniagaan Syamila sedang merancang strategi untuk menggalakkan pembelian pukal oleh para pelanggan pada sepanjang tahun. Apakah yang anda boleh cadangkan kepada Perniagaan Syamila untuk mencapai tujuan tersebut?
- A. Menawarkan diskaun niaga.
  - B. Mengadakan promosi perayaan.
  - C. Memberikan hadiah percuma untuk pembelian produk.
  - D. Memberikan diskaun tunai.
  - E. Membuat pertandingan cabutan bertuah.

14. Salah satu cabaran perniagaan ialah mengutip hutang daripada pelanggan kredit. Bagi menggalakkan pelanggan kredit menjelaskan hutang dalam masa yang lebih singkat, antara strategi yang boleh dilakukan ialah \_\_\_\_\_.

- A. menawarkan diskaun tunai
- B. menghantar notis hutang setiap minggu
- C. membuat perjanjian pinjaman
- D. memaparkan senarai penghutang dalam akhbar
- E. menawarkan hadiah cabutan untuk penghutang yang membayar hutang

15. Maklumat urus niaga berikut diberikan:

Perniagaan Inovasiku membeli barang niaga secara kredit sebanyak RM5,000 pada 1 April 20x9. Syarat pembayaran yang dinyatakan dalam invois ialah 5% 14 hari; 2% 21 hari. Kira jumlah yang perlu dibayar oleh Perniagaan Inovasiku jika pembayaran dibuat pada 10 April 20X9.

- A. RM250
- B. RM4,750
- C. RM5,000
- D. RM350
- E. RM4,650

16. Fungsi jurnal am adalah merekod semua urus niaga berikut **KECUALI** \_\_\_\_\_.

- A. sumbangan modal tambahan oleh pemilik
- B. pembelian aset bukan semasa secara kredit yang dilakukan dari semasa ke semasa
- C. pemilik mengambil barang niaga untuk kegunaan peribadi
- D. jualan barang niaga kepada pelanggan utama secara kredit
- E. sumbangan modal oleh pemilik semasa memulakan perniagaan

17. Salina memulakan perniagaan dengan menyumbang RM50,000 ke dalam akaun bank perniagaan dan sebuah kenderaan bernilai RM70,000. Apakah catatan pembukaan yang akan ditunjukkan dalam Jurnal Am?
- A. Akaun Modal didebitkan RM120,000
  - B. Akaun Modal dikreditkan RM120,000
  - C. Akaun Bank didebitkan RM120,000
  - D. Akaun Bank dikreditkan RM50,000
  - E. Akaun Kenderaan didebit dan dikreditkan RM70,000
18. Maklumat berikut diberikan kepada anda.

Jurnal Jualan

Tarikh	Butir	Folio	No. Dokumen	Jumlah
20X9				
Jan 2	Syarikat MeiChang		112	RM8,200
Jan 25	Syarikat MeiChang		115	RM6,000
Jan 31	Akaun Jualan			RM14,200

Manakah pernyataan yang **BENAR** tentang jurnal jualan yang ditunjukkan di atas:

- A. Dokumen menunjukkan keseluruhan jualan tunai dan jualan kredit dalam bulan Januari.
- B. Syarikat MeiChang belum membuat sebarang bayaran dalam bulan Januari.
- C. Angka jualan yang akan dipindahkan ke Akaun Perdagangan ialah RM14,200.
- D. Syarikat MeiChang merupakan pelanggan terbesar.
- E. Syarikat MeiChang tidak mendapat sebarang diskaun tunai.

19. En. Ameer sedang memeriksa rekod perakaunan syarikatnya dan menjumpai satu kesilapan. Manakah yang berikut mungkin merupakan kesilapan tersebut?
- A. Catatan modal permulaan dalam bentuk sumbangan kenderaan yang dicatatkan dalam Jurnal Am.
  - B. Pembelian kenderaan iaitu aset bukan semasa dicatatkan dalam Jurnal Belian.
  - C. Jualan kredit kepada Perniagaan Runcit Mesra yang dicatatkan dalam Jurnal Jualan.
  - D. Terimaan tunai daripada penghutang yang ditunjukkan dalam Jurnal Penerimaan Tunai.
  - E. Pemilik membuat ambilan barang niaga dan ditunjukkan dalam Jurnal Am.
20. Buku Tunai Runcit memberi manfaat berikut **KECUALI** \_\_\_\_\_.
- A. urus niaga bernilai kecil tidak perlu direkod
  - B. menjadikan kerja mencatat urus niaga tunai kecil menjadi lebih sistematik
  - C. memudahkan pembahagian tugas merekod urus niaga
  - D. mengurangkan bilangan pengeposan catatan urus niaga tunai runcit
  - E. membantu pengawalan tunai dengan lebih cekap
21. Imbangan Duga ialah \_\_\_\_\_.
- A. senarai lejar berbaki debit dan lejar berbaki kredit pada akhir tempoh perakaunan yang disediakan mengikut prinsip catatan bergu
  - B. senarai lejar untuk melaporkan kedudukan aset dan liabiliti pada akhir tempoh
  - C. penyata kedudukan hasil dan belanja dalam satu tempoh perakaunan
  - D. senarai lejar-lejar yang akan dipindahkan ke Penyata Kedudukan Kewangan pada akhir tempoh perakaunan
  - E. senarai keseimbangan antara akaun berbaki debit dan akaun berbaki kredit pada satu tarikh sebelum pelarasan dibuat



22. Manakah akaun yang berbaki kredit dalam Imbangan Duga?
- i. Pulangan belian
  - ii. Peruntukan susut nilai
  - iii. Sewa diterima
  - iv. Kadar bayaran
- A. i, ii dan iii sahaja
  - B. i, ii dan iv sahaja
  - C. i, iii dan iv sahaja
  - D. ii, iii dan iv sahaja
  - E. i, ii, iii dan iv
23. Salah satu tujuan Imbangan Duga disediakan ialah untuk mengenalpasti kesilapan yang berlaku semasa merekod urus niaga. Walau bagaimanapun terdapat kesilapan yang tidak menjejaskan keseimbangan Imbangan Duga seperti Kesilapan Prinsip. Kesilapan Prinsip ialah \_\_\_\_\_.
- A. kesilapan semasa mencatat amaun urus niaga
  - B. kesilapan mencatat urus niaga dalam jenis akaun yang salah
  - C. kesilapan catatan bergu yang dibuat di sebelah sahaja
  - D. kesilapan akaun perorangan semasa merekod urus niaga
  - E. kesilapan catatan bergu songsang semasa merekod urus niaga
24. Syarikat bercadang memperuntukkan susut nilai ke atas aset bukan semasa dengan kadar susut nilai yang seragam pada setiap tahun. Kaedah yang boleh digunakan ialah \_\_\_\_\_.
- i. kaedah garis lurus
  - ii. kaedah baki berkurangan
  - iii. kaedah penilaian semula
- A. i sahaja
  - B. i dan ii sahaja
  - C. i dan iii sahaja
  - D. ii dan iii sahaja
  - E. i, ii dan iii

25. Perniagaan Tunggal Sakti membeli sebuah jentera bernilai RM130,000 pada 1 Julai 20X9. Kaedah susut nilai ialah kaedah garis lurus. Tempoh usia guna jentera ialah 6 tahun dan jentera tersebut dijangka boleh dijual pada harga RM10,000 selepas 6 tahun. Berapakah belanja susut nilai yang akan ditunjukkan dalam Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Dis 20x9?
- A. RM110,000
  - B. RM20,000
  - C. RM10,000
  - D. RM120,000
  - E. RM130,000
26. Bagi sebuah perniagaan, susut nilai yang dikenakan ke atas sebuah aset bukan semasa adalah satu belanja. Hal ini bermaksud susut nilai akan \_\_\_\_\_.
- A. mengurangkan baki tunai perniagaan
  - B. mengurangkan keuntungan kasar perniagaan
  - C. mengurangkan modal perniagaan
  - D. meningkatkan perbelanjaan perniagaan
  - E. meningkatkan keuntungan perniagaan
27. Penyata Penyesuaian Bank perlu disediakan untuk\_\_\_\_\_.
- A. menyesuaikan baki akhir bulan dalam Buku Tunai ruangan bank dengan baki akhir bulan Penyata Bank
  - B. menyelaraskan baki akhir bulan Penyata Bank Berkomputer dengan Penyata Bank Manual
  - C. menyelaraskan Penyata Bank dari akaun di bank yang berbeza
  - D. menyesuaikan baki akhir bulan Penyata Bank supaya selari dengan baki tunai di tangan
  - E. menyesuaikan kedudukan baki akhir Penyata Bank supaya selari dengan keperluan tunai perniagaan

28. Hamidah seorang kerani akaun sedang menyediakan Penyata Penyesuaian Bank. Beliau bercadang menyelaraskan buku tunai terlebih dahulu sebelum menyediakan penyata berkenaan. Item yang akan ditambah kepada baki di Buku Tunai Terselaras ialah \_\_\_\_\_.
- A. cek belum dikemukakan
  - B. deposit belum dikreditkan
  - C. kesilapan mencatat urus niaga di buku tunai
  - D. ketinggalan catatan urus niaga di buku tunai
  - E. baki di Penyata Bank
29. Bakri sedang meneliti Penyata Bank untuk bulan April 20X9. Beliau mendapati di sebelah debit Penyata Bank, cek bernombor 345578 ditulis amaun RM880 tetapi dalam buku tunai ruangan bank di sebelah kredit ditulis RM800. Apakah kesimpulan yang boleh dibuat oleh Bakri?
- A. Penyata Bank sepatutnya mencatat RM800.
  - B. Buku tunai terkurang kredit sebanyak RM80.
  - C. Penyata bank terlebih debit RM80.
  - D. Penyata bank sepatutnya mengkreditkan RM800.
  - E. Buku tunai sepatutnya mendebitkan RM880.
30. Penyata Akaun Bank Perniagaan Harmoni mempunyai baki di sebelah kredit sebanyak RM8,000. Hal ini menunjukkan \_\_\_\_\_.
- A. Akaun Bank Perniagaan Harmoni kekurangan wang sebanyak RM8,000
  - B. Akaun Bank Perniagaan Harmoni mempunyai baki wang yang boleh digunakan sebanyak RM8,000
  - C. Perniagaan Harmoni telah terlebih mengeluarkan wang dari akaun bank sebanyak RM8,000
  - D. Perniagaan Harmoni telah gagal menguruskan akaun bank dengan baik
  - E. Baki akaun bank ini tidak dapat ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan

31. Pernyataan berikut menerangkan tentang Akaun Pengasingan Untung Rugi.
- i. Akaun Pengasingan Untung Rugi disediakan selepas penyediaan Penyata Untung Rugi.
  - ii. Akaun Pengasingan Untung Rugi bertujuan menentukan pengagihan untung rugi untuk setiap rakan kongsi.
  - iii. Faedah atas modal dicatatkan dalam Akaun Pengasingan Untung Rugi.
  - iv. Faedah atas pinjaman oleh rakan kongsi dicatatkan dalam Akaun Pengasingan Untung Rugi.
  - v. Faedah atas ambilan dicatatkan dalam Akaun Pengasingan Untung Rugi.

Manakah pernyataan yang **BENAR**?

- A. i, ii, iii dan iv
  - B. ii, iii, iv dan v
  - C. i, ii, iii dan v
  - D. i, ii, iv, dan v
  - E. i, iii, iv dan v
32. Akaun semasa setiap rakan kongsi disediakan untuk mencatatkan \_\_\_\_\_.
- i. hutang rakan kongsi kepada perkongsian
  - ii. hutang perkongsian kepada rakan kongsi
  - iii. hutang pihak luar kepada perkongsian
  - iv. hutang perkongsian kepada pihak luar

Kombinasi yang **BENAR** ialah:

- A. i sahaja
- B. ii sahaja
- C. i dan ii
- D. i, ii dan iii
- E. ii, iii dan iv

33. Dalam perniagaan perkongsian, keuntungan yang dikongsi antara rakan kongsi ialah \_\_\_\_\_.
- A. untung bersih daripada aktiviti operasi perniagaan
  - B. untung bersih daripada operasi perniagaan setelah ditolak faedah atas ambilan rakan kongsi
  - C. untung bersih daripada operasi perniagaan setelah dicampur faedah atas modal rakan kongsi
  - D. untung bersih daripada operasi perniagaan setelah ditolak gaji rakan kongsi
  - E. untung bersih daripada operasi perniagaan setelah ditolak ambilan rakan kongsi
34. Pilih pernyataan yang **BENAR** tentang syarikat awam berhad.
- i. Bilangan pelabur ialah 2 orang hingga tidak terhad.
  - ii. Terbitan saham dibuka kepada orang awam.
  - iii. Liabiliti pelabur terhad setakat saham yang dipegang.
  - iv. Syarikat diuruskan oleh Lembaga Pengarah yang tidak semestinya merupakan pemegang saham.
- A. i dan ii sahaja
  - B. i, ii dan iii sahaja
  - C. ii dan iii sahaja
  - D. ii, iii dan iv sahaja
  - E. i, ii, iii dan iv
35. Pernyataan di bawah menerangkan Modal Dibenarkan.
- i. Modal yang didaftarkan dalam Tatawujud Syarikat.
  - ii. Modal maksimum sesebuah syarikat.
  - iii. Nilai modal mengikut saham yang diterbitkan.
  - iv. Modal yang telah diterbitkan dan dibayar oleh pemegang saham.

Kombinasi yang **BENAR** ialah:

- A. i sahaja
- B. i dan ii sahaja
- C. i, ii dan iii sahaja
- D. ii, iii dan iv sahaja
- E. i, ii, iii dan iv

36. Manakah merupakan kombinasi yang **BENAR**.

	Saham keutamaan	Saham biasa
i.	Pemegang saham layak mengundi semasa Mesyuarat Agung	Pemegang saham tidak layak mengundi semasa Mesyuarat Agung
ii.	Kadar dividen adalah tetap	Kadar dividen adalah berubah
iii.	Dividen diterima sebelum pemegang saham biasa	Dividen diterima selepas dividen dibayar kepada pemegang saham keutamaan

- A. i sahaja
- B. i dan ii sahaja
- C. ii dan iii sahaja
- D. i dan iii sahaja
- E. i, ii dan iii

37. Dividen interim merujuk kepada \_\_\_\_\_.

- A. dividen yang dibayar sebelum tamat tempoh perakaunan iaitu sebelum keuntungan muktamad syarikat dilaporkan
- B. dividen yang dibayar kepada pemegang syer keutamaan
- C. dividen yang dibayar kepada pemegang syer biasa
- D. dividen sebenar yang dibayar setelah keuntungan syarikat diketahui
- E. dividen yang belum diaudit oleh juruaudit

38. Dalam Penyata Kedudukan Kewangan Syarikat Awam Berhad, komponen ekuiti pemilik melaporkan \_\_\_\_\_.

- i. modal dibenarkan
- ii. modal diterbitkan dan berbayar
- iii. modal belum diterbitkan

- A. i sahaja
- B. i dan ii sahaja
- C. i, ii dan iii sahaja
- D. ii dan iii sahaja
- E. i dan iii sahaja

39. Berikut adalah petikan maklumat daripada Penyata Pendapatan.

Butir	RM
Belanja susut nilai	2,500
Gaji	6,000
Insuran	1,500
Belanja Pelbagai	1,000

Diberi untung bersih ialah RM12,000. Hitung untung kasar.

- A. RM13,000
- B. RM23,000
- C. RM18,000
- D. RM14,500
- E. RM19,000

40. Pada 30 Jun 20x9, maklumat berikut dipetik daripada rekod perakaunan Perniagaan Teras Unggul yang tidak menggunakan sistem catatan bergu.

Insuran belum bayar	1 Julai 20x8	30 Jun 20x9
	RM800	RM900

Pada sepanjang tempoh perakaunan berakhir 30 Jun 20x9, premium insuran yang dibayar tunai ialah RM2,000. Berapakah belanja insuran bagi tahun berakhir 30 Jun 20x9.

- A. RM2,000
- B. RM1,200
- C. RM2,100
- D. RM800
- E. RM900

### **BAHAGIAN B [40 markah]**

Jawab di atas buku jawapan yang disediakan.

#### **SOALAN 1 (20 markah)**

Baki akaun berikut dipetik daripada Perniagaan Unggul Bestari pada 31 Disember 20x8.

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Kenderaan	50,000	
Bank	30,000	
Stok	12,000	
Akaun Belum Bayar- Perniagaan Khalid		25,000

Urus niaga berikut berlaku pada sepanjang bulan Januari 20x9. Semua nilai adalah dalam RM.

Tarikh	Urus niaga	RM
Jan 1	Pemilik membawa masuk peralatan komputer persendirian sebagai tambahan modal	7,000
Jan 4	Jualan tunai	1,000
Jan 6	Jualan kredit kepada Perniagaan Maharani	3,200
Jan 8	Bayar kepada Perniagaan Khalid	5,000

...17/-



Jan 8	Beli stok secara kredit daripada Perniagaan Tunjang	4,500
Jan 10	Bayar sewa kedai dengan cek	2,000
Jan 12	Bayar utiliti dengan tunai	400
Jan 12	Jualan tunai	3,000
Jan 15	Masukkan tunai ke dalam akaun bank	3,000

**Dikehendaki:**

- (a). Sediakan catatan jurnal untuk merekod urus niaga di atas. (8 markah)
- (b). Pindahkan catatan jurnal ke lejar. (6 markah)
- (c). Sediakan Imbangan Duga. (6 markah)

**SOALAN 2 (20 markah)**

Baki lejar berikut dipetik daripada rekod perakaunan Perniagaan Seri Pinang pada 31 Disember 20x8. Kedudukan baki lejar adalah seimbang. Baki akaun modal tidak diberikan.

	RM
Modal	Xx
Ambilan	2,000
Kenderaan	65,000
Peruntukan susut nilai kenderaan	3,250
Stok awal	25,000
Belian	62,000
Cukai atas belian	3,100
Jualan	121,000
Pulangan jualan	3,000
Gaji	24,000
Belanja pelbagai	8,000
Utiliti	6,000
Pinjaman jangka panjang	40,000
Akaun belum bayar	25,000
Akaun belum terima	30,000
Bank	48,000
Tunai	7,000

...18/-

Maklumat tambahan:

- (i). Stok pada 31 Disember 20x8 ialah RM20,000.
- (ii). Belanja belum bayar – Gaji ialah RM3,500; belanja pelbagai ialah RM2,200.
- (iii). Ambilan tunai oleh pemilik sebanyak RM3,800 belum direkod.
- (iv). Kenderaan disusut nilai penuh pada kadar 10% secara garis lurus untuk tempoh 10 tahun.

Sediakan:

- (a). Catatan jurnal pelarasan untuk maklumat tambahan. (8 markah)
- (b). Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 20x8. (6 markah)
- (c). Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 20x8. (6 markah)

- oooOooo -